



BAB SATU

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Islam mengikut pengertian yang lebih umum adalah agama sekelian para nabi dan rasul bermula daripada nabi Adam sehingga kepada perutusan nabi Muhammad s.a.w. sebagai pelengkap sekelian para rasul¹. Manakala secara khusus ia adalah agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk disampaikan kepada sekelian umatnya.² Baginda ditugaskan untuk menyampaikan agama Islam kepada umat manusia dan mengajar mereka untuk melaksanakan isi kandungan agama tersebut.

Nabi Muhammad s.a.w. menerima al-Quran al-Karim dari TuhanNya, lalu disampaikan sebagaimana yang diterima. Dengan perintah Allah dan petunjukNya, beliau menerangkan isi kandungannya dengan perkataan dan perbuatan. Kemudian manusia menerima dari generasi ke generasi sepertimana baginda menerima dari Allah, sehingga sampai kepada manusia zaman kini tanpa ada keraguan mahupun penambahan sedikitpun terhadap isi kandungannya³.

Islam yang disebut sebagai “ *the way of life* ” adalah satu agama yang membicarakan aspek kehidupan manusia secara menyeluruh bermula dari alam ruh sehingga ke saat bertemunya seseorang hamba dengan *Khāliqnya* di alam akhirat nanti. Ia mencakupi persoalan akidah, ibadat, politik, sosial, ekonomi, perundangan dan sebagainya. Al-Quran sebagai kitab agung rujukan umat Islam menjelaskan bahawa tiada suatu pun pokok perbincangan yang tidak disentuh melainkan ada dijelaskan di dalamnya. Ini terbukti melalui firmanNya :

مَا فَرِطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

maksudnya : *dan tidaklah kami tinggalkan sesuatu pun melainkan ia disebut di dalam kitab (al-Quran).*

Terjemahan Surah al-Anām (6): 38

Keindahan dan kesempurnaan Islam dapat dilihat dari sudut teori dan perlaksanaannya kerana ia merangkumi pelbagai aspek seperti roh, akhlak dan kemasyarakatan, maka dengan sebab itulah ia sesuai untuk semua tempat, masa dan perubahan zaman ⁴.

Persoalan mengenai kematian dan pengurusan jenazah adalah antara perkara penting yang terdapat dalam agama Islam. Ia kerana ia adalah detik awal pertemuan hamba dengan Allah S.W.T. ialah apabila berlakunya kematian. Ilmu pengurusan jenazah adalah merupakan salah satu daripada Fardhu Kifayah yang mesti diketahui oleh salah seorang dari anggota masyarakat bagi mengelakkan dari keseluruhan masyarakat ditimpakan dosa.

Justeru itu, kefahaman masyarakat tentang konsep kematian dan pengurusan jenazah mestilah jelas agar tidak bercampur aduk dengan fahaman yang mengelirukan. Ini memandangkan kerana terdapat banyak amalan masyarakat di Malaysia kini yang telah bercampur aduk antara amalan yang dibenarkan syarak atau sebaliknya. Apabila semakin lama Rasulullah s.a.w. meninggalkan umatnya, semakin banyaklah amalan yang bercanggah dengan syarak dilakukan oleh umat manusia termasuklah amalan-amalan bid'ah yang menyesatkan ⁵. Untuk mengelakkan daripada terus melakukan perkara

bid'ah, penjelasan hukum kepada masyarakat terutama yang melibatkan perihal ibadat mesti disampaikan supaya masyarakat dapat beramal dengan tepat dan betul berpandukan dalil syarak supaya ianya diterima dan tidak ditolak oleh Allah S.W.T. Sabda Rasulullah s.a.w. :

من أحدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو رد رواه البخاري و مسلم

maksudnya : *sesiapa yang mengada-adakan sesuatu perkara baru dalam urusan agama yang bukan daripadanya, maka ianya adalah ditolak (riwayat al-Bukhārī dan Muslim).*⁶

Kajian ini dihasilkan adalah sebagai salah satu cara untuk menjelaskan hukum kepada beberapa permasalahan yang berlegar tentang amalan yang dilakukan oleh masyarakat selepas berlakunya sesuatu kematian.

Merujuk kepada tajuk penulisan “ **Amalan Tradisi Selepas Kematian Masyarakat Melayu Negeri Sembilan : Satu Huraian Hukum** ” ia akan lebih menumpukan kepada amalan tradisi bacaan surah Yāsīn dan tahlil hadiah kepada si mati, majlis kenduri arwah, bacaan talqin selepas pengkebumian dan amalan ziarah kubur. Namun begitu, penulis juga akan menyentuh tentang beberapa perkara yang dikatakan sebagai adat di dalam masyarakat apabila berlakunya sesuatu kematian. Bentuk pengamalan dan pandangan hukum akan dikemukakan bagi mengetahui pandangan syarak terhadap perkara tersebut. Antaranya ialah memasang bau-bauan seperti setanggi dan kemeyan di sisi mayat, pemberian wang upah solat jenazah, meletakkan batu nesan di atas kubur dan sebagainya.

Diharap penulisan ini akan menjelaskan kedudukan sebenar terhadap beberapa pengamalan yang dianggap tradisi agar segala kesamaran dan kekeliruan akan terungkai dan penjelasan hukum dapat dikemukakan sebagai sandaran terhadap segala amalan yang dilakukan.

1.2 OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN

- 1.2.1 Untuk mengetahui kefahaman masyarakat Melayu Negeri Sembilan berkaitan dengan amalan yang dilakukan selepas kematian.
- 1.2.2 Untuk membentangkan nas syarak dan pandangan hukum terhadap amalan tradisi masyarakat Melayu Negeri Sembilan selepas kematian.
- 1.2.3 Sebagai pegangan kepada masyarakat supaya dapat beramal berdasarkan hukum syarak dan bukannya melakukan sesuatu amalan secara membuta tuli tanpa mengetahui sandaran dalilnya.
- 1.2.4 Untuk menghasilkan satu penulisan secara menyeluruh yang menumpukan kepada penyusunan nas syarak secara teratur dan kemas terhadap amalan selepas kematian.

- 1.2.5 Sebagai jawapan kepada golongan yang menolak dan yang menghukumkan bid'ah terhadap beberapa amalan tradisi selepas kematian.
- 1.2.6 Untuk mengenal pasti kewajaran amalan tradisi tersebut dilakukan, adakah kerana hujah syarak atau sekadar menghidup dan meneruskan kesinambungan amalan yang selama ini berakar umbi di dalam masyarakat. Ini akan membawa kepada pengetahuan anggota masyarakat dalam beramal.
- 1.2.7 Sebagai rujukan kepada pembaca berkaitan beberapa persoalan tentang pengurusan jenazah dan amalan-amalan tradisi yang dilakukan selepas pengkbumian mayat.
- 1.2.8 Sebagai satu langkah mempertingkatkan diri penulis ke peringkat pengajian yang lebih tinggi terutama dalam bidang penyelidikan dan penulisan. Ini akan memberi pendedahan kepada penulis tentang kemahiran dalam membuat sesuatu penyelidikan bagi menghasilkan satu bentuk penulisan yang berkualiti.

1.3 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan lebih menumpukan kepada beberapa amalan yang dilakukan oleh masyarakat selepas kematian, aspek pengurusan jenazah, bacaan surah Yāsin dan tahlil arwah hadiah kepada si mati, majlis kenduri arwah, bacaan talqin dan ziarah kubur. Namun penulis akan kemukakan juga amalan lain selepas kematian seperti memasang bau-bauan seperti setanggi dan kemeyan di sisi mayat, pemberian wang upah solat jenazah, meletakkan batu nesan di atas kubur, menulis nama di atas kubur atau pada batu nesan dan sebagainya.

Lokasi kajian adalah di daerah Kuala Pilah, Jempol, Tampin dan Seremban di Negeri Sembilan. Pemilihan empat daerah ini adalah sebagai sampel bagi mewakili masyarakat Melayu Negeri Sembilan secara keseluruhan. Ini memandangkan empat daerah ini adalah antara daerah yang besar dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi di Negeri Sembilan. Daerah Jempol adalah daerah yang terbesar manakala Seremban adalah daerah yang mempunyai penduduk paling padat di Negeri Sembilan⁷. Kebetulan masyarakat Negeri Sembilan terkenal sebagai negeri yang mengamalkan Adat Perpatih, tiga daerah iaitu Jempol, Kuala Pilah dan Seremban mewakili wilayah Adat Perpatih manakala Tampin mewakili daerah bukan wilayah Adat Perpatih. Tiga daerah lain iaitu Jelebu, Rembau dan Port Dickson tidak dimasukkan di dalam lokasi tempat kajian kerana penulis meyakini bahawa pengamalan selepas kematian semua daerah di Negeri Sembilan adalah lebih kurang sama. Kenyataan ini dikuatkan dengan hujah dari yang berbahagia Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang menyatakan bahawa tiada

beza pengamalan mana-mana daerah terhadap amalan yang menjadi kajian penulis⁸. Sesungguhnya pemilihan empat daerah ini adalah sebagai sampel bagi mewakili keseluruhan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

Pemilihan Negeri Sembilan sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan ianya negeri kelahiran penulis, maka ini akan memudahkan dari segi pengumpulan data, temubual responden dan sebagainya.

Dengan itu, penulis akan mengenal pasti beberapa masalah yang berlaku dan sekiranya berlaku salah pemahaman masyarakat terhadapnya, maka mudah bagi penulis untuk memperbaikinya bertepatan dengan method dakwah sepertimana yang diwahyukan oleh Allah S.W.T. :

قُرَا أَنفُسُكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا

bermaksud : *peliharalah dirimu dan ahli keluargamu dari api neraka*
Terjemahan surah al-Tahrim (66): 6

Menurut kebiasaan, anggota masyarakat akan lebih menerima teguran dari anak tempatan lantaran rapatnya hubungan sesama mereka.

Kajian ini dimulakan pada semester 1 sesi (Jun) sesi pengajian 1999/2000. Ia memakan masa yang agak lama memandangkan pada masa yang sama penulis berkhidmat sebagai pensyarah di sebuah kolej swasta di Shah Alam menyebabkan proses pencarian dan pengumpulan data kadangkala tergendala disebabkan masalah membahagikan waktu

antara kerjaya dan pelajaran. Disertasi penulis pula adalah dalam bentuk kajian lapangan yang memerlukan masa yang agak lama untuk tujuan observasi dan temubual di tempat kajian. Kerjaya di sektor swasta menyebabkan masa penulis untuk meneruskan kajian amat terhad kerana ia memerlukan kepada pengagihan masa yang baik.

1.4 HURAIAN ISTILAH

Tajuk disertasi ini ialah “**Amalan Tradisi Selepas Kematian Masyarakat Melayu Negeri Sembilan : Satu Huraian Hukum**”. Sebelum kajian ini diperincikan dengan lebih mendalam, terlebih dahulu penulis akan menghuraikan istilah-istilah yang terkandung dalam tajuk penulisan ini.

“Amalan” berasal dari perkataan Bahasa Arab ‘amila’ atau ‘amala’ dan perkataan jamaknya ialah ‘a’mal’ yang bermaksud setiap pekerjaan atau perbuatan yang dilakukan dengan tujuan tertentu samada perbuatan hati seperti niat atau anggota seperti solat ⁹.

Menurut Kamus Dewan, perkataan “amalan” berasal dari perkataan “amal” yang bermaksud apa sahaja yang dilakukan, perbuatan dan pekerjaan. Apabila ditambah dengan imbuhan ‘an’ ia menjadi “amalan” yang bermaksud sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan ¹⁰.

“Tradisi” bermaksud sesuatu kebiasaan (adat, kepercayaan) yang kekal turun temurun, sesuatu yang sudah menjadi amalan yang sudah sebat dengan sesuatu masyarakat (golongan, kumpulan dan sebagainya)¹¹.

“Selepas” bermaksud sesudah, setelah sudah dan setelah selesai¹².

Perkataan “kematian” berasal dari perkataan ‘mati’ iaitu tidak bernyawa dan tidak hidup lagi¹³.

“Masyarakat” bermaksud kumpulan manusia yang hidup bersama (di suatu tempat) dengan aturan dan cara tertentu¹⁴.

“Melayu” ialah nama kepada suatu bangsa dan bahasa¹⁵.

“Negeri Sembilan” ialah sebuah negeri di Barat Daya Semenanjung Malaysia¹⁶.

“Huraian” ialah keterangan yang agak panjang lebar lagi teratur untuk menjelaskan sesuatu perkara, kedudukan, masalah dan pendapat¹⁷.

Manakala perkataan “hukum” dalam Bahasa Arab disebut *hukm* yang bermaksud ketetapan atau ketentuan¹⁸.

Menurut Kamus Dewan ia bermaksud ketentuan (kaedah, kepastian, ketetapan) mengenai sesuatu peristiwa atau kejadian. Ia juga bermaksud peraturan (ketentuan) mengenai kehidupan menurut Islam¹⁹.

Berdasarkan kepada takrifan tersebut, kajian ini adalah untuk mengetahui pandangan hukum syarak terhadap perbuatan yang biasa dilakukan selepas kematian samada dari sudut adat atau kepercayaan yang sudah sebatи dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

1.5 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Perbincangan mengenai pengurusan ke atas jenazah banyak dikemukakan oleh para ulama silam dan terkini melalui kitab karangan mereka dalam bab *al-janāzah* yang terdapat banyak di perpustakaan antaranya ialah kitab *Mughnī al-Muhtāj*, kitab *Nayl al-Ma'rib Bi Syarḥ Dalīl al-Tālib* dan *al-Iqnā' fī Halli Alfāz Abī Syūja'* karangan Al-Syaibānī, kitab *Tuhfah al-Habīb 'Alā Syarḥ al-Khaṭīb* karangan Sulaymān Al-Bijayrīmī, kitab *Kiṣāyah al-Akhyār Fī Ḥallī Ghāyah al-Ikhtisār*, karangan Taqīy al-Dīn Abī Bakr bin Muhammad Al-Husainī, kitab *Rawdah al-Tālibīn*, karangan Al-Nawawī, kitab *Qalyūbī wa 'Umayrah* karangan Al-Qalyūbī, dan 'Umayrah, kitab *al-Mabsūt* karangan Al-Sarakhsyi dan sebagainya. Manakala antara kitab yang dikarang oleh ulama terkini ialah kitab *Fiqh al-Sunnah* karangan Sayyid Sābiq dan kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū* karangan Wahbah Al-Zuhaylī. Manakala antara kitab karangan ulama nusantara ialah kitab *Maṭla' al-Badrain Wa Majma' al-Baḥrain*, karangan Muhammad bin Ismā'īl Dāud

Al-Faṭāñī, dan kitab *Kasyf al-Lithām 'An As'iliati al-Anām* karangan Zayn al-'Ābidīn bin Muḥammad al-Faṭāñī.

Terdapat banyak hadith Rasulullah berkaitan dengan pengurusan jenazah dan urusan selepas kematian yang dihimpun oleh para ulama hadith dalam kitab mereka yang terkandung dalam bab *al-janāzah* antaranya ialah kitab *Fath al-Bārī Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī* karangan ibn. Ḥajr Al-'Asqalāñī, kitab *Syarḥ Sahīḥ Muslim* karangan al-Nawawi, kitab *'Aun al-Ma'būd Syarḥ Sunan Abī Dāūd* karangan Abī al-Taiyyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-'Adzīm Abādī (1990), kitab *Daīl al-Fālīhīn Syarḥ Riyad al-Ṣāliḥīn al-Imām al-Nawāwī*, karangan Al-Asy'arī, kitab *Nayl al-Awtār* karangan Al-Syawkāñī, kitab *Baḥr al-Mādhī* karangan Muḥammad Idrīs Abd. Al-Ra'ūf Al-Marbāwī, dan sebagainya.

Kajian-kajian lepas yang berkaitan secara langsung dengan tajuk kajian penulis banyak didapati dalam penulisan ilmiah di fakulti Syariah dan Usuluddin Universiti Malaya di peringkat Ijazah Pertama. Antaranya ialah :

Amalan-Amalan Selepas Kematian di Kalangan Masyarakat Melayu Hulu Selangor, kajian oleh Siti Hasnah Mohd. Amin, Fakulti Usuluddin tahun 1997. Fokus utama kajian ini ialah berkaitan dengan kematian dan pengurusan jenazah, antaranya ialah tanda-tanda kematian semakin tiba, kewajipan terhadap orang yang hampir meninggal dunia, kewajipan memandi, mengkafan, menyembahyang dan mengkebumikan jenazah. Turut dibahas ialah beberapa perkara larangan sewaktu

kematian seperti perbuatan meratap, mencerca orang yang telah meninggal dunia, amalan menembok, membuat binaan dan duduk di atas kubur dan menjadikan kubur sebagai masjid dan amalan memasang lampu di kubur. Penulis juga membahaskan perkara yang berkaitan dengan bid'ah dalam pengurusan jenazah seperti membasuh muka dengan air lebihan mandi mayat, kenduri di rumah si mati, bacaan talqin, majlis tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut, hari ke 7, 40, 100 kematian, amalan menunggu dan mengupah orang membaca al-Quran di atas kubur, membuat binaan dan menulis di atas kubur. Dalam kajiannya, penulis hanya menyatakan hukum secara langsung tanpa analisa secara mendalam terhadap amalan-amalan tersebut. Kebanyakan amalan yang dilakukan itu adalah satu amalan bid'ah²⁰.

Norhamisah Md. Hassan pula membuat kajian bertajuk *Kepercayaan Masyarakat Melayu Mengenai Kematian : Satu Kajian Khusus di Hulu Terengganu* untuk Kertas Projek Fakulti Usuluddin tahun 1994 membahaskan perkara yang hampir sama dengan kajian oleh Siti Hasnah dari sudut urusan kematian dan pengurusan jenazah, cuma yang membezakan ialah penulisan Norhamisah menumpukan kepada perkara tahuul dan khurafat dalam urusan kematian seperti mimpi yang membawa alamat kematian, pelangi yang tidak membentuk bulatan di kaki langit menandakan ada raja yang gering atau mangkat, bunyi burung hantu menandakan ada orang yang akan meninggal dunia, perempuan yang mati bersalin akan menjelma sebagai pontianak dan kepercayaan bahawa mayat akan bangkit sekiranya dilompati kucing. Turut disentuh ialah amalan bid'ah dalam kematian dan pengurusan jenazah sama seperti yang disentuh oleh Siti Hasnah. Penulis juga hanya menyatakan hukum amalan tersebut secara langsung yang

diambil terus dari penulisan para ulama dengan menyatakan bahawa amalan yang ada unsur tahlil dan khurafat hendaklah ditinggalkan²¹.

Upacara Kematian di Dalam Masyarakat Melayu Negeri Sembilan : Satu Kajian Tentang Perkara-Perkara Yang Bertentangan adalah kajian Sharifah Fadzilon Hj. Syed Ahmad al-Attas. Beliau turut membincangkan hal yang berkaitan dengan kematian dan pengurusan jenazah. Penulisannya lebih kurang sama dengan apa yang dihasilkan oleh Norhasimah dan Siti Hasnah dengan penekanan bahawa kebanyakan amalan yang dilakukan itu adalah amalan bid'ah²².

Kajian Johana Mohd Taib iaitu *Pengurusan Jenazah di Kalangan Masyarakat Jawa Menurut Perspektif Islam : Satu Kajian di Daerah Klang Selangor Darul Ehsan* juga hampir sama dengan perbahasan yang dihasilkan oleh Siti Hasnah, Norhamisah dan Sharifah Fadzilon²³.

Ramlah Abdul Rahman dalam kertas projeknya telah membuat kajian bertajuk *Pengurusan Jenazah Menurut Islam, Kajian di Mukim Teluk Panglima Garang*. Seperti pengkaji yang lain, penyelidikannya berkisar tentang pengurusan jenazah menurut Islam dan ditambah perbahasan mengenai perkara-perkara khurafat dalam pengurusan jenazah dan isi kajiannya secara hampir sama dengan apa yang telah dikaji oleh Rohana Said, Norhamisah dan Sharifah Fadzilon²⁴.

A'aishah Hj. Mohamed membuat kajian bertajuk *Nilai-nilai Adat dan Urusan Kematian Dalam Masyarakat Islam, Satu Kajian di Jajahan Kota Bharu* berkisar tentang adat dalam urusan kematian seperti talqin, tungku kubur, kenduri arwah, membaca al-Quran untuk si mati dan sebagainya. Penulis telah menyatakan hujah penyokong dan pembangkang amalan adat yang dilakukan. Hasil kajian penulis mendapati beberapa amalan yang dilakukan dalam urusan kematian adalah suatu adat dan ada antaranya ialah amalan bid'ah yang sepatutnya ditinggalkan²⁵.

Manakala Rohana Said membuat kajian *Perkara-perkara Khurafat dan Bid'ah di Sekitar Upacara Kematian Masyarakat Melayu, Kajian di Kuala Terengganu*. Beliau membentangkan beberapa perkara khurafat dan bid'ah sekitar upacara kematian. Hasil kajian beliau mendapati bahawa banyak amalan berhubung dengan kematian adalah satu perkara khurafat dan tasyul seperti meratap, menampar-nampar muka, mencerca orang mati. Penulisannya juga lebih kurang sama dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Hasnah cuma perbezannya, beliau telah mengemukakan faktor-faktor berlakunya perkara khurafat dan bid'ah berhubung dengan upacara kematian²⁶.

Siti Patimah Ibrahim telah membuat kajian bertajuk *Pengurusan Jenazah, Konsep dan Amalannya Dalam Masyarakat Islam : Satu Kajian di Jajahan Pasir Mas Kelantan*. Seperti pengkaji lain, tulisannya adalah berkaitan dengan konsep pengurusan jenazah menurut Islam. Kelainan kajian ini daripada kajian lain ialah penyelidikan yang agak jelas berkaitan dengan kefahaman masyarakat terhadap pengurusan jenazah iaitu penulis telah berjaya mendapatkan respons masyarakat terhadap pemahaman mereka dalam

menguruskan jenazah dari sudut memandikan, mengkafangkan, menyembahyangkan dan mengkebumikan jenazah. Beliau juga telah mendapatkan maklum balas dari masyarakat bagaimana pemahaman mereka terhadap hukum mengadakan kenduri arwah, membuat binaan di atas kubur, amalan menziarahi kubur pada dua hari raya dan amalan menunggu kubur. Penulis turut menghuraikan tentang faktor bagaimana boleh berlakunya amalan bid'ah masyarakat dalam pengurusan jenazah. Beliau turut menghuraikan beberapa konsep berkaitan kematian yang diamalkan masyarakat seperti menangisi dan meratapi kematian, mencium mayat, bacaan talqin dan ucapan takziah²⁷.

Konsep yang sama turut dihuraikan oleh Ahmad Shukri Jainudin telah membuat kajian bertajuk *Pengurusan Jenazah di Kalangan Masyarakat Islam Pendang : Satu Penilaian Hukum*. Antara tumpuan kajian beliau ialah tentang kewajipan menguruskan jenazah mereka yang telah meninggal dunia dari sudut kefahaman, pengamalan dan penglibatan masyarakat Islam Pendang. Dalam penulisannya, beliau telah membuat kaji selidik tentang bagaimana tahap kefahaman masyarakat dalam menguruskan empat perkara wajib ke atas jenazah iaitu memandikan, mengkafan, menyembahyang dan mengkebumikan jenazah. Termasuk juga amalan lain berkaitan dengan jenazah iaitu kefahaman hukum suami memandikan jenazah isteri dan sebaliknya, hukum sediakan makanan kepada orang yang datang, pandangan masyarakat adakah doa dan bacaan sampai kepada si mati, hukum mencium mayat, hukum melewatkhan pengkebumian, hukum talqin, meratapi kematian, hukum memberi duit kepada orang yang sembahyang mayat dan tabur bunga serta jirus air tawar di atas kubur. Kajian mendapati tahap

kefahaman masyarakat yang berbeza-beza terhadap hukum menguruskan jenazah adalah berdasarkan kepada latar belakang pegangan dan pendidikan agama mereka²⁸.

Hasil kajian Rosnani Ibrahim bertajuk *Pengurusan Jenazah Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* ada sedikit kelainan dengan pengkaji lain kerana beliau telah membentangkan tentang jenis-jenis kematian mengikut pandangan Islam dan penglibatan pihak-pihak tertentu dalam pengurusan jenazah seperti Pejabat Pendaftaran Negara, pihak polis dan institusi masjid. Penulisan ini tidak menjelaskan secara terperinci pandangan hukum syarak kerana ia hanya membentangkan tentang bagaimana jenazah diuruskan di Kuala Lumpur. Empat kewajipan ke atas jenazah iaitu memandikan, mengkafarkan, menyembahyang dan mengkebumikan mayat turut disentuh dalam pengkajian beliau²⁹.

Terdapat satu kajian lain yang hampir sama dengan apa yang dikaji oleh penulis iaitu *Adat Istiadat Kematian Dalam Masyarakat Islam di Kedah* hasil tulisan Hazami Hj. Shafie untuk kertas projek Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya tahun 1988. Beliau telah menerangkan beberapa adat istiadat setelah ternyata kematian, sebelum pengkebumian, ketika pengkebumian dan beberapa upacara setelah jenazah dikebumikan. Ini termasuklah tentang penyebaran berita kematian, persediaan peralatan untuk upacara kematian, peralatan untuk memandikan dan menyembahyangkan jenazah, upah orang yang menyembahyangkan jenazah, bacaan talqin, kenduri arwah, membaca al-Quran di atas kubur dan amalan ziarah kubur. Beliau telah membentangkan pandangan Islam terhadap amalan tersebut dan hasilnya mendapati

ada di antara perkara tersebut adalah adat masyarakat, ada yang memang dibenarkan syarak dan ada juga amalan-amalan bid'ah yang tidak ada asasnya dalam Islam³⁰.

Melihat kepada penulisan yang pernah dihasilkan ini, walaupun terdapat beberapa persamaan dari sudut konsep pengurusan jenazah menurut pandangan fuqaha, bezanya ialah dari sudut tumpuan kajian, lokasi dan penganalisaan hukum terhadap amalan yang dilakukan. Bentuk amalan yang dilakukan masyarakat dalam kajian penulis adalah lebih banyak berbanding kajian penulis terdahulu. Malah dalam kajian penulis, beberapa analisis dan perbahasan hukum secara kritis telah dilakukan berbanding pengkaji sebelumnya. Antara amalan yang tidak pernah disentuh oleh mana-mana penulis ialah persoalan hukum memasang bau-bauan seperti setanggi, membaca surah Yāsin kepada si mati, meletakkan batu nesan di atas kubur dan menanam pokok di atas kubur. Penulis juga menerangkan hukum berdasarkan nas syarak dan pendapat fuqaha secara terperinci kepada setiap amalan serta membuat analisis kepada setiap amalan yang dilakukan oleh masyarakat bertepatan dengan realiti dan kehendak semasa terutama bagi amalan tahlil dan kenduri arwah, amalan bacaan surah Yāsin kepada si mati, amalan talqin selepas pengkebumian jenazah dan amalan ziarah kubur.

Manakala antara kertas kerja yang berkaitan dengan pengurusan jenazah ialah *Bengkel Pengurusan Jenazah anjuran bersama Persatuan Pelajar Pengajian Islam KUSZA, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUSZA* yang diadakan pada 21-22 Mac 1993 dan *Kertas Kerja Pengurusan Jenazah yang disediakan oleh Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah* yang seringkali

mengadakan seminar dan kursus berkaitan dengan pengurusan jenazah. Namun penulisan ini hanya menumpukan kepada amalan terhadap mereka yang menghadapi sakaratul maut, aspek penyelengaraan jenazah yang merangkumi amalan memandikan, mengkafan, menyembahyang dan mengkebumikan jenazah.

Terdapat juga buku yang menyentuh secara langsung tentang amalan-amalan berkaitan persoalan sedeqah pahala bacaan al-Quran kepada si mati, majlis tahlil, talqin, ziarah kubur dan kenduri arwah. Kitab tersebut ialah *Hukm al-Syari'yyah al-Islamiyyah Fi Ma'tam Lailah al-Arba'* dalam karangan Husnain Muhammad Makhluf. Satu buku kecil telah dikeluarkan oleh JAKIM iaitu *Penjelasan Hukum Membaca Talqin, Tahlil Arwah, Upah Membaca al-Quran, Membaca Yāsmīn Secara Berkumpulan Pada Malam Jumaat dan Bersentuh Kulit Lelaki dan Perempuan Ajnabi*. Dalam buku ini telah dibentangkan pandangan hukum Islam terhadap amalan-amalan tersebut.

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus ada mengeluarkan sebuah buku kecil *Kaifiyat Menyempurnakan Jenazah* yang ditulis oleh Haji Nawawi bin Hasan. Manakala buku *Himpunan Fatwa* oleh Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Sail pula menghimpunkan fatwa yang pernah dikeluarkan oleh mufti kedua Kerajaan Negeri Sembilan yang termasuk di dalamnya fatwa berkaitan dengan bab jenazah.

Berdasarkan hasil penulisan yang telah disebutkan ada di antaranya menyentuh secara langsung dengan tajuk kajian dan ada yang tidak secara langsung, namun

semuanya itu banyak membantu penulis dalam meneruskan kajian dan analisis bagi menghasilkan satu bentuk penulisan yang baik dan mantap.

1.6 METHODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam kajian ini, metode penyelidikan yang digunakan adalah seperti berikut :

1. Metode Penentuan Subjek

Penulis menggunakan metode sampling dalam menentukan subjek penilitian. Dalam hal ini, penulis memilih masyarakat Islam di Kuala Pilah, Jempol, Tampin dan Seremban yang dipilih melalui persampelan rawak mudah melalui kaedah soal selidik sebagai subjek bagi mewakili masyarakat Islam Negeri Sembilan yang lain.

2. Metode Pengumpulan Data

Dalam mengumpul data-data yang berkaitan dengan kajian, penulis menggunakan beberapa metode iaitu :

a) Penyelidikan Perpustakaan

Metode ini amat penting untuk mendapatkan data-data kualitatif³¹ dalam bentuk dokumentasi dan bertulis kerana perpustakaan adalah tempat tersimpan pelbagai khazanah ilmu yang boleh dijadikan sumber data dalam sesuatu kajian³². Manakala data yang diperolehi melalui metode ini merangkumi data berbentuk primer dan sekunder³³.

Dalam disertasi ini, penulis mengumpul bahan dengan merujuk kepada kitab-kitab fiqh klasik dan semasa bagi melihat pendapat fuqaha berkaitan dengan pengurusan jenazah dan pandangan hukum terhadap amalan-amalan yang dilakukan oleh masyarakat. Kitab hadith dan fatwa juga digunakan untuk mendapatkan nas serta pendapat bagi mendokong pengamalan yang dilaksanakan. Malah apa sahaja buku yang berkaitan dengan tajuk kajian digunakan bagi menambah kekuatan fakta kajian. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah :

- Perpustakaan Universiti Malaya
- Perpustakaan Za'ba
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam
- Perpustakaan Awam Islam JAKIM
- Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
- Perpustakaan di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan

Data juga diperolehi daripada bahan-bahan bercetak lain seperti kertas projek, buku, jurnal, risalah, kertas kerja seminar, majalah, akhbar dan lain-lain yang kebanyakannya dalam Bahasa Melayu. Selain dari buku di perpustakaan, penulis juga merujuk kepada buku yang dippunyai sendiri oleh penulis yang kebanyakannya dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Bahan-bahan yang diperolehi melalui metode ini digunakan dalam bab satu, dua dan tiga.

b) Penyelidikan Lapangan

Memandangkan disertasi ini adalah dalam bentuk kajian lapangan, penulis telah menggunakan beberapa metode tertentu antaranya ialah metode wawancara, soal selidik dan observasi. Bahan-bahan yang diperolehi melalui metode ini digunakan dalam bab tiga dan empat.

b) Metode Wawancara

Ia juga adalah salah satu kaedah untuk mendapatkan data kualitatif³⁴ melalui pertanyaan secara terus kepada orang-orang tertentu bagi mendapatkan fakta berkaitan tajuk kajian³⁵. Metode ini penting sebagai sokongan kepada data-data berbentuk dokumentasi kerana bukan semua bahan penyelidikan boleh didapati di perpustakaan. Wawancara dilaksanakan untuk memperolehi bahan-bahan baru bagi menjamin ketulinan pengkajian³⁶.

Atas tujuan tersebut metode ini digunakan untuk mendapatkan fakta-fakta yang diperlukan mengenai amalan tradisi masyarakat selepas berlakunya kematian. Penulis telah menemubual tokoh agama yang dapat memberikan fakta yang tepat berkaitan tujuan kajian. Antara mereka yang diwawancara ialah :

- Dato' Mohd. Murtadza Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, pada 11/2/2002 dan 3/2/2004 di Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan
- Ustaz Mat Jusoh bin Sudin, Pegawai Agama Daerah Jempol, pada 16/10/2001 di Pejabat Agama Daerah Jempol, Negeri Sembilan

- Ustaz Hussien bin Jalani, Pegawai Pentadbiran Masjid Daerah Jempol, pada 16/10/2001 di Pejabat Agama Daerah Jempol, Negeri Sembilan
- Ustaz Mohd. Fadhil Haji Abu Kassim, Pegawai Agama Daerah Kuala Pilah, pada 24/10/2001 di Pejabat Agama Daerah Kuala Pilah Negeri Sembilan
- Ustaz Mohd. Zaidi bin Ramli, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, pada 11/2/2002 di Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan

Melalui temubual ini penulis dapat mengumpulkan maklumat yang diperlukan secara langsung berkaitan dengan pengamalan masyarakat adakah bertepatan dengan syarak atau sebaliknya. Bahan-bahan yang diperolehi melalui metode ini digunakan dalam bab tiga dan empat serta membantu penulis membuat kesimpulan dan cadangan dalam bab lima.

c) Metode Soal Selidik

Metode ini merupakan kaedah terpenting yang diamalkan dalam apa juu penyelidikan³⁷ kerana melalui metode inilah data kuantitatif dapat diperolehi³⁸. Metode ini penting kerana ia membantu dalam mendapatkan data melalui soalan bertulis dengan memilih orang-orang tertentu untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Soalan tersebut disediakan oleh pengkaji merangkumi fakta yang diperlukan dalam penyelidikannya³⁹. Semua soalan yang dikemukakan mestilah sama untuk semua responden bagi memastikan keseragaman dalam jawapan yang diberi dan ini memudahkan dalam penganalisaan data kelak⁴⁰.

Dalam disertasi ini, metode ini digunakan untuk mendapat maklumat dan maklum balas dari orang ramai berkaitan dengan upacara yang diadakan selepas kematian. Soal selidik ini dijalankan secara persampelan rawak mudah, kepada penduduk pelbagai peringkat umur, jantina dan pekerjaan di sekitar daerah Kuala Pilah, Jempol, Tampin dan Seremban. Ia juga adalah untuk mendapatkan maklumat sejauh mana kefahaman masyarakat terhadap amalan-amalan yang mereka lakukan selepas berlakunya sesuatu kematian. Untuk tujuan tersebut, penulis telah mengedarkan borang soal selidik melalui pegawai masjid di daerah yang terlibat seperti imam, bilal atau ahli jawatankuasa masjid. Sebanyak 150 borang telah diedarkan dan penulis telah menerima 100 borang sahaja.

Dua kaedah pengedaran borang dilakukan iaitu :

- meninggalkan kepada pegawai masjid dan akan diambil semula selepas dua minggu
- masukkan ke dalam sampul surat berstem dan beralamatkan penulis bagi memudahkan responden memulangkan kembali kepada penulis.

Melalui kaedah pertama ada responden yang tidak mengembalikan semula borang soal selidik. Inilah di antara sebab mengapa penulis kehilangan 50 borang soal selidik yang tidak dikembalikan. Borang soal selidik turut diedarkan kepada pekerja-pekerja di Jabatan Agama Daerah semasa penulis menemubual pegawai di pejabat berkenaan. Bahan-bahan yang diperolehi melalui metode ini digunakan dalam menyediakan laporan penyelidikan dan penganalisaan data dalam bab empat. Ia turut digunakan dalam membuat rumusan dan kesimpulan dalam bab lima.

d) Metode Observasi

Metode ini pula dilakukan untuk melihat, mendengar dan berfikir apa yang ada di sekitar tempat kajian untuk dijadikan data penting dalam penulisan⁴¹. Melalui metode ini, data kualitatif dapat diperolehi⁴² untuk digabungkan dengan data-data yang lain supaya penyelidikan menjadi lebih kuat dan mantap.

Pemerhatian atau observasi dalam sesuatu kajian boleh dijalankan dengan dua cara iaitu :

- i. pemerhatian dari luar
- ii. penulis terlibat sama dalam aktiviti yang dijalankan (participant observation)⁴³.

Dalam kajian yang dilakukan oleh penulis, metode ini digunakan untuk menguatkan lagi data-data kajian yang telah diperolehi melalui sumber-sumber lain. Ia dilakukan dengan meninjau dan meneliti keadaan masyarakat dan persekitarannya. Penulis telah pergi ke beberapa buah kampung di daerah Kuala Pilah, Seremban, Jempol dan Tampin untuk melihat sendiri bagaimana pengamalan masyarakat terhadap amalan-amalan selepas kematian. Lokasi dan apa yang diperolehi oleh penulis telah dicatatkan dalam bab tiga kajian.

Untuk memastikan kaedah observasi berjalan lancar, penulis telah memberitahu kepada beberapa orang rakan penulis yang tinggal di daerah tempat kajian agar menghubungi penulis jika berlaku sesuatu kematian dan penulis akan terus ke tempat kajian setelah dimaklumkan.

3. Metode Analisis Data

Untuk laporan terhadap data-data soal selidik, penulis menggunakan kaedah jadual taburan kekerapan melalui perisian Statistical Packages For The Social Sciences (SPSS) 9.05 for Windows. Melalui jadual yang dibentuk, ia memudahkan penulis untuk menganalisa setiap data yang diperolehi bagi membentuk keputusan dan kesimpulan terhadap soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Manakala untuk tujuan penganalisaan data dan ulasan, penulis menggunakan metode yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan iaitu :

a) Metode Induktif

Dalam *Usul al-Fiqh*, kaedah ini dikenali dengan kaedah *istiqra'*⁴⁴. Melalui metode ini penulis membentangkan data-data yang bersifat khusus untuk membentuk kesimpulan yang bersifat umum. Semua data akan dikumpulkan untuk dibuat penilaian secara umum bagi mendapat gambaran tentang keadaan sebenar.

Penulis menggunakan metode ini dalam bab tiga melalui laporan yang diperolehi melalui kaedah observasi. Berdasarkan maklumat yang diperolehi secara khusus berkaitan amalan-amalan selepas kematian dapat disimpulkan secara umum tentang kefahaman masyarakat terhadap amalan-amalan tersebut. Melalui observasi dalam bab tiga dan soal selidik pada bab empat, metode ini digunakan oleh penulis dalam membuat rumusan dan kesimpulan pada bab lima. Sebagai contoh, amalan kenduri arwah dan tahlil yang dilakukan oleh majoriti masyarakat di empat daerah secara khusus memberi

kesimpulan bahawa amalan yang sama dilakukan oleh masyarakat umum Negeri Sembilan di daerah-daerah lain.

b) Metode Deduktif

Dalam *Usul al-Fiqh*, kaedah ini dikenali dengan kaedah *istinbat*⁴⁵. Metode ini digunakan bertujuan untuk menghasilkan satu kesimpulan berdasarkan bukti-bukti yang bersifat umum bagi mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Penulis telah membentuk kesimpulan sendiri berdasarkan pemikiran atau pengalaman melalui apa yang telah diperolehi dalam kajian.

Melalui metode ini, data-data yang bersifat umum dianalisis secara terperinci supaya dapat dibuat kesimpulan yang tepat dan padat. Melalui observasi dan kaji selidik dalam bab tiga dan empat, penulis telah membentuk satu kesimpulan dan rumusan yang terdapat pada bab lima. Sebagai contoh, melalui pandangan responden terhadap manfaat yang boleh diberikan oleh orang yang masih hidup kepada orang yang telah meninggal dunia menyebabkan wujudnya amalan-amalan tradisi masyarakat seperti mengadakan kenduri arwah, bacaan surah Yāsīn dan tahlil, talqin dan ziarah kubur.

c) Metode Komperatif

Metode ini digunakan dalam penganalisaan data bertujuan untuk membuat rumusan daripada analisa perbandingan yang dijalankan terhadap objek kajian. Maklumat dan keterangan yang diperolehi dibandingkan sumbernya untuk memastikan sumber

mana yang terkuat dan daripada sumber yang pelbagai itu, manakah maklumat yang paling **absah**, seperti membandingkan sumber yang berlainan bagi fakta yang sama⁴⁶.

Sebagai contoh, pada bab tiga, dalam membincangkan hukum menulis nama atas kubur atau batu nisan, terdapat perbezaan yang berbeza di kalangan fuqaha. Melalui metode komperatif, penulis telah membuat analisis untuk mencapai satu ketetapan dan keputusan.

Penulis juga menggunakan kaedah ini pada bab tiga dalam membandingkan amalan tradisi selepas kematian masyarakat Melayu Negeri Sembilan dengan pandangan hukum Islam terhadap amalan tersebut.

Metode ini turut digunakan pada bab empat. Penulis membandingkan kefahaman masyarakat terhadap amalan-amalan selepas kematian dengan hukum pengamalannya menurut pandangan fuqaha. Metode Komperatif ini banyak membantu penulis dalam membuat kesimpulan dan cadangan dalam bab lima.

¹ Sa'id Hawwā (1993), *al-Islām*, c. 2. Kaherah : Dār al-Salām, h. 5
lihat juga Hj. Dusuki Hj. Ahmad (1988), *Kamus Pengetahuan Islam*, c. 3, Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, h. 142-143

² Al-Bayūmī, Muhammad Sa'id bin Ahmad bin Mas'ūd (Dr) (1998), *Maqāsid al-Syar'i'ah al-Islāmiyyah Wa 'Alāqatuhā Bi al-Adillah al-Syar'iyyah*, c. 1. Arab Saudi : Dār al-Hijrah Li al-Nasyr Wa al-Tauzi', h. 31

³ Mahmūd Syaltūt (Prof. Dr.) (1988), *'Aqidah dan Syar'i'ah* (terj), Kuala Lumpur : Pustaka al-Ameen, h. 1

⁴ Sayyid Sābiq, *Islāmunā*, Kaherah : al-Fath Li al-I'lām al-'Arabi, h. 13.

⁵ Al-Syātībī, Ishāq bin Ibrāhīm (1996), *al-I'tisām*, semakan oleh Muṣṭafa Abu Sulaymān al-Nadawī (Dr), j. 3. c. 1, Riyad, Dār al-Khāni, h. 19

⁶ Muṣṭafa al-Bughā (Dr) dan Mahy al-Dīn Dib Mastū (1995), *al-Wāfi Fi Syarḥ al-Arba 'm al-Nawawiyah*, c. 8. Beirut : Dār al-Kalim al-Tayyib, h. 30

⁷ Menurut Laporan Kiraan Permulaan Mukim, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991 ada menyebut bahawa jumlah penduduk Negeri Sembilan pada tahun 1991 adalah seramai 692,897 orang. Seremban dan Jempol adalah daerah yang mempunyai kepadatan penduduk paling tinggi iaitu 265,034 dan 120,447. Ini diikuti oleh Port Dickson (92,077), Tampin (72,494), Kuala Pilah (68,091), Jelebu (39,937) dan Rembau (34,817). Bancian juga menyatakan bahawa Jempol adalah daerah terbesar yang meliputi keluasan 535 batu persegi.

⁸ Temubual dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Mohd. Murtadza Haji Ahmad di Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada 11 Februari 2002 dan 3 Februari 2004

⁹ Muhammad Rawās Qal'ah Jī (Dr) (1996), *Mu'jam Lughah al-Fugahā'*, c. 1. Beirut : Dār al-Nafā'is, h. 291

¹⁰ Lihat *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 32-33

¹¹ *Ibid.*, h. 1469

¹² *Ibid.*, h. 799

¹³ *Ibid.*, h. 868

¹⁴ *Ibid.*, h. 865

¹⁵ *Ibid.*, h. 874

¹⁶ *Ibid.*, h. 925

¹⁷ *Ibid.*, h. 472

¹⁸ Muhammad Rawās Qal'ah Jī (1996), *op.cit.*, h. 162.

¹⁹ *Ibid.*, h. 468-469

²⁰ Siti Hasnah Mohd. Amin (1997), Amalan-Amalan Selepas Kematian di Kalangan Masyarakat Melayu Hulu Selangor (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

²¹ Norhamisah Md. Hassan (1994), Kepercayaan Masyarakat Melayu Mengenai Kematian : Satu Kajian Khusus di Hulu Terengganu (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

²² Sharifah Fadzilon Hj. Syed Ahmad al-Attas (1987), Upacara Kematian di Dalam Masyarakat Melayu Negeri Sembilan : Satu Kajian Tentang Perkara-Perkara Yang Bertentangan (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

²³ Johana Mohd Taib (1994), Pengurusan Jenazah di Kalangan Masyarakat Jawa Menurut Perspektif Islam : Satu Kajian di Daerah Klang Selangor Darul Ehsan (Kertas Projek, Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

²⁴ Ramlah Abdul Rahman (1997) Pengurusan Jenazah Menurut Islam, Kajian di Mukim Teluk Panglima Garang (Kertas Projek, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

²⁵ A 'aishah Hj. M ohamed (1993) Nilai-nilai Adat dan U rusan K ematian D alam M asyarakat I slam, S atu Kajian di Jajahan Kota Bharu, (Kertas Projek, Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

²⁶ Rohana Said (1993), Perkara-perkara Khurafat dan Bid'ah di Sekitar Upacara Kematian Masyarakat Melayu, Kajian di Kuala Terengganu (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

²⁷ Siti Patimah Ibrahim (1994), Pengurusan Jenazah, Konsep dan Amalannya Dalam Masyarakat Islam : Satu Kajian di Jajahan Pasir Mas Kelantan (Kertas Projek, Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

²⁸ Ahmad Shukri Jainudin (2003), Pengurusan Jenazah di Kalangan Masyarakat Islam Pendang : Satu Penilaian Hukum (Kertas Projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

²⁹ Rosnani Ibrahim (2002), Pengurusan Jenazah Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Kertas Projek, Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

³⁰ Hazami Hj. Shafie (1988), Adat Istiadat Kematian Dalam Masyarakat Islam di K edah (Kertas Projek Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya)

³¹ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur : Intel Multimedia and Publication dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 6

³² Donald E. Miller (t.t), *Writing and Research in Religious Studies*, New Jersey : Prentice Hall, h. 20
Lihat juga Kamarudin Ngah (1990), *Kaedah Penyelidikan, Panduan Mudah Kerja Luar*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 16
Lihat juga Komaruddin (Drs) (1982), *Metode Penulisan Skripsi dan Tesis*, Bandung : Penerbit Angkasa, h. 101

³³ Audrey J. Roth (1988), *The Research Paper Sixth Edition*, California : Wordsworth Publishing Company, h. 56

³⁴ Idris Awang (2001), *op.cit.* h. 6
Lihat juga Mohamad Najib Abdul Ghafar (2001), *Penyelidikan Pendidikan*, c. 3. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 34

³⁵ Donald E. Miller (t.t), *op.cit.*, h. 70
Lihat juga Komaruddin (Drs) (1982), *op.cit.*, h. 113

Lihat juga Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan*, c. 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 55

³⁶ Samarudin Rejab (1992), *Panduan Menulis Tesis*, c. 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 30

³⁷ Kamarudin Ngah (1990), *op.cit.*, h. 17

³⁸ Idris Awang (2001), *op.cit.*, h. 6
lihat juga Mohamad Najib Abdul Ghafar (2001), *op.cit.*, h. 34

³⁹ Audrey J. Roth (1988), *op.cit.*, h. 105-106

Lihat juga Komaruddin (Drs) (1982), *op.cit.*, h. 113

Lihat juga Samarudin Rejab (1993), *op.cit.*, h. 31

⁴⁰ Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *op.cit.*, h. 46

⁴¹ Donald E. Miller (t.t), *op.cit.*, h. 44

⁴² Idris Awang (2001), *op.cit.*, h. 6

Lihat juga Mohamad Najib Abdul Ghafar (2001), *op.cit.*, h. 36

⁴³ Samarudin Rejab (1993), *op.cit.*, h. 34

⁴⁴ Idris Awang (2001), *op.cit.*, h. 82

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.*, h. 83